

## KPT, IPT tangani isu 'sugar baby'

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Februari 14, 2021 @ 5:15pm

[fidahruzki@bh.com.my](mailto:fidahruzki@bh.com.my)



Husaini Omar

PUTRAJAYA: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersama universiti yang disenaraikan '10 teratas' pelajarannya aktif dalam kegiatan 'sugar baby' baru-baru ini, akan menangani isu itu dengan lebih berkesan.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar, berkata universiti terbabit juga akan menjalankan semakan dalaman secara terperinci bagi memastikan apa yang dilaporkan media dapat ditangani dengan sebaik-baiknya.

"KPT memandang serius pendedahan menerusi talian dibuat akhbar berbahasa Inggeris mengenai laman sesawang 'program pelajar' dan laporan dalam Facebook mengenai peningkatan mendadak bilangan pelajar universiti terbabit perkhidmatan 'sugar baby'.

"KPT menghubungi beberapa universiti yang disenaraikan dalam laporan itu bagi mendapatkan maklumat kesahihan data disiarkan dalam beberapa media," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Husaini berkata, pihaknya juga mendapat penjelasan daripada pengurusan universiti terbabit susulan banyak keraguan terhadap data yang dikemukakan dalam laporan itu.

Beliau berkata, antara perkara dibangkitkan termasuk pengurusan Sunway Education Group menyatakan agak mustahil 45 peratus daripada pelajar Sunway University dikatakan terbabit dalam aktiviti 'sugar baby'.

Katanya, ia berikutan jumlah pelajar Sunway University pada masa ini kira-kira 7,000 pelajar saja, sekali gus laporan itu bersifat agak tidak munasabah apabila melaporkan seramai 3,105 pelajar universiti itu menjadi 'sugar baby'.

"Pada 10 Februari 2021, Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga membuat laporan polis bagi menafikan laporan pihak media," katanya.

Beliau berkata, kementerian itu juga akan melaksanakan sesi libat urus dengan beberapa kementerian dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani perkara itu.

"Ia membabitkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang merangka program berterusan serta menyeluruh bagi memastikan sahsiah pelajar dan imej institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia terjaga.

Beberapa portal berita sebelum ini melaporkan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKPK) menyebabkan ramai pelajar universiti di Malaysia mencari 'sugar daddy' bagi mendapatkan wang dengan cara mudah bagi menampung kos hidup serta yuran pengajian.

Perkhidmatan hubungan 'sugar daddy-sugar baby' terbesar di Asia, Sugarbook turut melaporkan peningkatan pendaftaran pelajar sehingga 40 peratus untuk menjadi 'sugar baby' sejak Januari lalu.

Ia juga mendedahkan seramai 12,705 pelajar terdiri daripada penuntut di IPT di Lembah Klang, termasuk dua universiti awam, berdaftar dengan platform itu.